

Sultan Kelantan tidak berpolitik, kata Mahathir

BH 29 SEP 1990

(P)

GUA MUSANG, Jumaat — Perlembagaan Negara memisahkan raja dengan politik supaya martabat raja-raja tidak tercemar, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam negara ini, kita hendak memisahkan raja daripada politik. Politik adalah hak rakyat, raja menjadi ketua negara ... itu saja," katanya.

Bellau berkata, kerana negara ini mengamalkan sistem demokrasi, kalau rakyat hendak mendapat keadilan, mereka mesti berhak memilih

kerajaan yang memerintah.

"Rakyat tidak ada hak untuk memilih siapa jadi Yang di-Pertuan Agong, siapa jadi raja. Kita tidak ada hak, tapi rakyat berhak memilih kerajaan, dan kerana rakyat memilih kerajaan, maka kerajaan mesti berkhidmat untuk rakyat.

"Kalau rakyat tidak ada hak memilih kerajaan, maka kerajaan tidak akan memberi perhatian kepada masalah rakyat," kata Perdana Menteri ketika berucap kepada kira-kira 5,000 peneroka dan masyarakat Orang Asli di Rancangan Felda Ciku 3, kira-

kira 45 kilometer dari sini, petang ini.

Bagaimanapun, kata bellau, ada percubaan oleh orang tertentu untuk menggunakan raja.

"Nama raja pun digunakan. Itu tidak baik kerana dalam sistem pemerintahan negara kita, raja tidak mengambil bahagian dalam politik.

"Saya berasa amat sukacita dalam ucapan Sultan Kelantan pada hari keputeraan baginda baru-baru ini, Duli Yang Maha Mulia menitahkan bahawa baginda tidak ada campurtangan dalam soal politik."